



BULETIN IKIM

اینسٹیتوٹ کفہام اسلام ملیسیا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

WAWANCARA KHAS DAN PELANCARAN BUKU LITERASI KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA



Dari kiri ke kanan: Dr. Mohammad Hisyam bin Mohamad, Fellow Pusat EMAS, YB Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah & Pn. Nur Syahidah binti Abdul Jalil, Pegawai Penyelidik Kanan Pusat EMAS.

Pada 18 November 2021, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad telah ditemu bual dalam program Wawancara Khas di Radio IKIM. Pada kesempatan ini juga YB Senator telah melancarkan buku "Literasi Kewangan Islam Di Malaysia" sempena wawancara khas tersebut secara dalam talian. YB Senator dalam ucapannya antara lain menyatakan "*Untuk membina 'khayra ummah', umat Islam memerlukan kekuatan harta dan pengurusan kewangan yang baik. Sejajar dengan tema pentadbiran hal ehwal Islam yang dibawa iaitu 'Bersama Agensi Islam Menyantuni Keluarga Islam Mendepani COVID-19', usaha yang dibuat oleh IKIM, UKM dan AKPK melalui penerbitan buku ini boleh dianggap sebagai satu usaha yang boleh membawa KELUARGA MALAYSIA keluar daripada kesempitan hidup akibat pandemik COVID-19.*" Penerbitan buku ini juga adalah salah satu aktiviti dalam PIAGAM C-19 (Pencapaian 100 Hari YB Menteri) bawah inisiatif 5 iaitu Pemantapan Sosio Ekonomi Ummah.

Turut hadir pada sesi pelancaran ini adalah Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail serta para penyunting, Fellow Pusat EMAS, Dr. Muhammad Hisyam bin Mohamad dan Pegawai Penyelidik Kanan Pusat EMAS, Pn. Nur Syahidah binti Abdul Jalil.

FORUM “MASYARAKAT, HUTAN DAN AIR: MAQASID AL-SHARIAH DALAM MEKANISME URUS TADBIR MITIGASI PERUBAHAN IKLIM”



YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air ketika merasmikan Forum "Masyarakat, Hutan dan Air: Maqasid Al-Shariah Dalam Mekanisme Urus Tadbir Mitigasi Perubahan Iklim"

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan forum "Masyarakat, Hutan dan Air: Maqasid al-Shariah dalam Mekanisme Urus Tadbir Mitigasi Perubahan Iklim" secara dalam talian pada 9 November 2021, menampilkan pakar-pakar berautoriti yang berlatar belakangkan bidang pengajian Islam dan bidang berkaitan alam sekitar, hutan dan air.

Program ini telah membincangkan: 1) urus tadbir hutan dan alam sekitar dari pelbagai sudut; 2) hubungkait antara agensi-agensi yang berkait dengan hutan dan alam sekitar; dan 3) resolusi bagi urus tadbir hutan dan alam sekitar yang lebih lestari. Forum yang berlangsung selama sehari ini turut disiarkan secara langsung kepada umum melalui laman web tvIKIM dan Laman Facebook IKIM.

Antara pembentang yang terlibat dalam forum ini adalah Pengurus Global Environment Centre, En. Zainudin bin Ismail; Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Dr. Ismail bin Parlan; Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor, Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid; Pengarah Lembaga Urus Air Selangor, TS Tuan Haji Hasrolnizam bin Shaari; Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Pn. Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin; Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, TPr. Gs. Dr. Shamsaini bin Shamsuddin; Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaafar; Pengurus Eksekutif Hartalega, En. Colin Nicholas; dan Pensyarah Universiti Malaya, En. Kamal Solhaimi bin Afdzil. Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, En. Mohd Azmi bin Mohd Yusof bertindak selaku Moderator.

Pengurus Rancangan Radio IKIM, Pn. Hajah Fairuz binti Hj. Nordin telah ditemu bual secara maya oleh TV AlHijrah menerusi slot Assalamualaikum pada 6 Ogos 2021.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Isu-Isu Bioetika di Malaysia” dalam program Sesi Perkongsian Berkanaan Isu-Isu Bioetika di Malaysia anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 17 Ogos 2021.


Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Asas Akhlak Karya Prof. Al-Attas” dalam program Pandangan Alam Islam Sebagai Asas Kehidupan (PASAK) – Diskusi Bersiri: Faham Agama (Siri 13) anjuran Dzul Iman Quranic Lifeschool, Circle of Ta’ib & Adab (CITA) dan Ta’ib International Foundation (TIF) pada 17 Ogos 2021.

Felow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, En. Md. Asham bin Ahmad telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Faham-Faham Dasar Pendidikan Islam” dalam program Pandangan Alam Islam Sebagai Asas Kehidupan (PASAK) – Diskusi Bersiri: Faham Agama (Siri 13) anjuran Dzul Iman Quranic Lifeschool, Circle of Ta’ib & Adab (CITA) dan Ta’ib International Foundation (TIF) pada 31 Ogos 2021.

Ketua Penerbit, Pn. Sri Sarina binti Suhaimin telah ditemu bual secara maya oleh TV AlHijrah menerusi slot “Assalamualaikum” pada 27 Ogos 2021.

Felow Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Cik Wan Roslili binti Abd. Majid telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Peranan Wanita Memartabatkan Ummah” dalam program Forum Dialog Harmoni Wanita 2021 anjuran Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (JAM’IYAH) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 28 Ogos 2021.

PERSARAAN NAIB PENGERUSI IKIM DAN KETUA PENGARAH IKIM



Dari kiri ke kanan: Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman, Naib Pengerusi dan En. Mohamad Ibrahim bin Ghazali, Setiausaha.



Dari kiri ke kanan: Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah dan Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah bersama pegawai-pegawai IKIM.

Naib Pengerusi, Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman telah tamat perkhidmatannya pada 30 September 2021. Beliau mula dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah IKIM pada 1 Oktober 2011. Pelantikan beliau sebagai Naib Pengerusi IKIM pula bermula pada 1 Oktober 2020.

Ketua Pengarah, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin telah tamat perkhidmatannya pada 31 Ogos 2021. Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah IKIM pada tahun 2011 dan mula dilantik sebagai Ketua Pengarah pada 1 September 2015. Sepanjang berkhidmat, kedua-dua tokoh ini telah banyak menyumbangkan jasa ke arah mencapai matlamat dan objektif IKIM.

PEMERGIAN PENGERUSI IKIM, TUN AHMAD SARJI ABDUL HAMID



Penyerahan bingkai gambar Masjidil Haram Mekah oleh anakanda Tun Ahmad Saji bin Abdul Hamid, kepada IKIM

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah kehilangan seorang tokoh negarawan pada tanggal 28 Ogos 2021. Tokoh negarawan tersebut menghembuskan nafas terakhirnya di Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada jam 1.40 pagi pada usia 82 tahun. Dilahirkan pada 16 September 1938, Allahyarham Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid merupakan Pengasas dan Pengerusi IKIM (yang pertama), dari 1992 sehingga 2009. Pada 4 Februari 2019, Allahyarham Tun Ahmad Sarji dilantik semula sebagai Pengerusi IKIM (yang ketiga) oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN IKIM KALI KE-29 DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & ANUGERAH KHIDMAT SETIA



Dari kiri ke kanan: Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman, Naib Pengerusi dan En. Mohamad Ibrahim bin Ghazali, Setiausaha ketika sesi Mesyuarat Agung Tahunan IKIM secara dalam talian.

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan IKIM Kali ke-29 pada 28 September 2021 secara dalam talian. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Naib Pengerusi, Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah barisan Ahli Lembaga Pengarah IKIM, Ahli-ahli IKIM dan anggota Pengurusan Institut Kefahaman Islam Malaysia. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman, Naib Pengerusi IKIM kemudiannya meraikan sepuluh (10) penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (AKC) 2020 dan tujuh (7) Anugerah Khidmat Setia (AKS) 2021.

BENGKEL KEMBARA SYIFA "MENGHADAPI ANXIETY DAN KEMURUNGAN— KITA MAMPU MENGURUSNYA"



Dari kiri ke kanan: Pn. Hajah Mazlina binti Ismail, Pengurus Siaran Radio dan Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah dalam bengkel Kembara Syifa yang dianjurkan secara dalam talian.

Pada 5 Oktober 2021, Institut Kefahaman Islam Malaysia telah menganjurkan Bengkel Kembara Syifa "Menghadapi Anxiety dan Kemurungan—Kita Mampu Mengurusnya."

Antara objektif penganjuran bengkel ini adalah : 1) membina kesedaran masyarakat tentang mental, terutamanya keresahan melampau (anxiety) dan kemurungan; 2) mengurangkan stigma sosial berkaitan dengan masalah kesihatan mental; dan 3) mendidik masyarakat khususnya para belia berkenaan cara menangani kesihatan mental selain memberi sokongan kepada orang yang mempunyai masalah ini.

Antara pembentang yang terlibat dalam bengkel ini adalah Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr. Hazli bin Zakaria; Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad; Pakar Psikiatri, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Dr. Firdaus binti Datuk Abdul Gani; dan Pn. Mazlina binti Ismail selaku Moderator.


KUNJUNGAN HORMAT DUTA AZERBAIJAN



Dari kiri ke kanan: Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah dan H.E. Mr. Irfan Davudov, Duta Azerbaijan di Malaysia

Pada 6 Oktober 2021, Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail telah menerima kunjungan hormat Duta Azerbaijan di Malaysia, H.E. Irfan Davudov. Kunjungan hormat ini untuk sesi suai kenal, perbincangan serta pertukaran pengalaman berkaitan isu-isu perkembangan Islam di Malaysia dan antarabangsa. Turut hadir pada pertemuan ini adalah Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Dr. Mohd Sani bin Badron, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran, dan Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh.

WEBINAR ISLAM TODAY



Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Profesor Kehormat, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya ketika membentangkan kertas kerja dalam program Islam Today

Institut Kefahaman Islam Malaysia dengan kerjasama Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan telah menganjurkan satu webinar secara dalam talian bertemakan *Islam Today* pada 21 Oktober 2021. Webinar ini merupakan satu penzahiran Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua-dua institusi pada 4 Jun 2020.

Antara objektif webinar ini adalah: 1) memahami pengaruh Islam atas kemajuan serta pencapaian manusia dalam tamadun Islam; 2) membincang bagaimana Islam menyediakan penyelesaian terbaik kepada cabaran dan masalah yang dihadapi oleh dunia hari ini; dan 3) menghargai dan memperakui sumbangan ilmuwan-ilmuwan awal Muslim kepada bidang sains dan keilmuan serta pengaruh mereka dalam dunia moden hari ini.

Dua orang pembentang telah dijemput untuk membentangkan tajuk-tajuk berkaitan pendekatan Islam kepada penyelesaian masalah semasa dan peranan ilmuwan Muslim dalam tamadun Islam. Profesor Kehormat, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, membentangkan tajuk *Islam and Environmental Sustainability* manakala pembentang kedua, Timbalan Pengarah Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan, Encik Otabek Mukhammadiev pula membahaskan tajuk *Alaudin Usmandi and His Role in Islamic Civilization*.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk "Risalah untuk Kaum Muslimin" dalam program Halaqah Nahdah Siri 2 anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada 2 September 2021.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk "Berita Palsu dan Maklumat Salah: Apa Penyelesaiannya?" dalam program Bicara Bina Negara anjuran Pertubuhan Ikram Malaysia pada 4 September 2021.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk "Maqasid al-Syariah: Keperluan Zaman dan Cabaran Semasa" dalam program Seminar Gagasan Khaira Ummah Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 September 2021.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentang kertas kerja secara dalam talian bertajuk "Faham Agama dan Asas Akhlak" dalam program Pandangan Alam Islam Sebagai Asas Kehidupan (PASAK) – Diskusi Bersiri Islam (Siri 14) anjuran Dzul Iman Quranic Lifeschool, Circle of Ta'dib & Adab (CITA) dan Ta'dib International Foundation (TIF) pada 14 September 2021.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk "Worldview of Islam: Meaning and Characteristics" dalam program Asatizah Islamic Studies Professional Programme (AISP2), anjuran Jabatan Kepimpinan Agama PERGAS pada 18 September 2021.

Pegawai Penyelidik Kanan, En. Muhammad Husni bin Mohd Amin telah ditemu bual secara maya oleh TV AlHijrah menerusi slot "Assalamualaikum" pada 8 Oktober 2021.


Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran menjadi ahli panel secara dalam talian bagi forum bertajuk “Prof. Al-Attas sebagai Guru, Pentadbir dan Pengatur Strategi dalam institusi” dalam program Sempena Ulang Tahun ke-90 Syed Muhammad Naquib Al-Attas, anjuran Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS) pada 18 September 2021.

Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Dr. Mohd Sani bin Badron telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Pandangan Alam Barat & Islam Dalam Sejarah Dunia” dalam program Level Two - Asatizah Islamic Studies Professional Programme (ASIP2) anjuran Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS) pada 2 Oktober 2021.

Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail menjadi ahli panel secara dalam talian bagi forum bertajuk “Prof. Al-Attas sebagai Guru, Pentadbir dan Pengatur Strategi dalam Institusi” dalam program Sempena Ulang Tahun ke-90 Syed Muhammad Naquib Al-Attas anjuran Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS) pada 18 September 2021.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddien bin Shaikh Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Preparing For COP26: Curbing Carbon Emissions By Governments, Civil, Society & Individuals” dalam program Regional Roundtable Discussion (RTD) Malaysia—Australia: Preparing for COP26: Curbing Carbon Emission by Governments, Civil Society & Individual anjuran International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia pada 12 Oktober 2021.

WEBINAR "SAINS DAN TEKNOLOGI BERTERASKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH"




En. Muhammad Husni bin Mohd Amin, Pegawai Penyelidik Kanan Pusat KIAS membentangkan kertas kerja dalam webinar “Sains dan Teknologi berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah”

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah menganjurkan webinar “Sains dan Teknologi Berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah” pada 26 Oktober 2021. Penganjuran webinar ini bertujuan : 1) memahami hubungan wahyu dengan fenomena alam dan inovasi sains; 2) mengulas isu semasa berkaitan sains dari perspektif wahyu; dan 3) menghubungkan wahyu dengan sains dalam usaha mendepani isu semasa berkaitan sains dalam masyarakat.

Antara pembentang kertas kerja yang terlibat adalah Fellow Kehormat IKIM, Prof. Emeritus Dr. Shaharir bin Mohd Zain, Profesor Kehormat, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Profesor, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Prof. Dato’ Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff, Ahli Lembaga Pengarah IKIM, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman, Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddien bin Shaikh Mohd Salleh, Pakar Perubatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr. Suhazeli bin Abdullah, Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail, Setiausaha, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air, En. Jamalulail bin Abu Bakar dan Pensyarah, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu, Gs. Dr. Muhammad Hafeez bin Joeery. Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, En. Muhammad Husni bin Mohd Amin, dan Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Pn. Azrina binti Sobian, bertindak selaku Moderator.

TAFHIM: IKIM JOURNAL OF ISLAM AND THE CONTEMPORARY WORLD (JILID 14 NO. 1)



TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World ialah jurnal terbitan IKIM. Jurnal ini mengandungi lima buah makalah terpilih, iaitu: “*Children with Neurodevelopmental Disorders from the Islamic Perspective*,” oleh En. Khairul Azhar bin Idris (IKIM) dan Dr. Abdul Latif bin Abdul Razak (Univeristi Islam Antarabangsa Malaysia), “*An Analysis of Ibn Qutaybah’s Positive Synchronisation Methodology of*

Mukhtalif al-Hadis,” oleh Prof. Madya Dr. Che Amnah binti Bahari (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), “*Analisis Kritikal Jasser Auda Terhadap Kaedah al-Naskh*,” oleh En. Izal bin Mustafa Kamar (Universiti Teknologi Malaysia), “*Evaluation of the Articles about the Malay World in Selected Ottoman Periodicals Published in the Early 20th Century*,” oleh Dr. Sinan Sumbul (Istanbul University Information and Knowledge Management Department) dan Prof. Dr. Mohamad Zaini bin Othman (Universiti Teknologi Malaysia); dan “*Ebrahim Moosa and Postmodernism: Some Close Resemblances and Implications*,” oleh En. Muhammad Yusra bin Ahmad Hulaimi (Universiti Teknologi Malaysia).

BUKU TERKINI TERBITAN IKIM


Literasi Kewangan Islam di Malaysia



Literasi kewangan merupakan cabang pengetahuan yang boleh membantu orang Islam dalam mencapai matlamat penjagaan harta (hifz al-mal) yang digariskan oleh doktrin maqasid al-shari’ah. Karya ini mengetengahkan literasi kewangan Islam sebagai tema utama yang mengupas empat perkara iaitu: pertama, literasi kewangan menurut al-Quran dan al-Sunnah; kedua, peranan dan kepentingan literasi kewangan Islam; ketiga, dimensi dan instrumen pengukuran literasi kewangan Islam; dan keempat, kajian AKPK tentang tahap literasi kewangan dalam kalangan pekerja dewasa di Malaysia. Berdasarkan kupasan buku ini, wujud gesaan untuk meningkatkan kefahaman tentang literasi kewangan Islam dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Dapatkan buku terkini terbitan IKIM di IKIM Niaga (www.ikimniagamy)

Kepelbagai Budaya Pemakanan di Malaysia: Perspektif Islam



Makanan merupakan satu keperluan asas untuk manusia bagi kelangsungan kehidupan. Malaysia terkenal dengan keunikan dan kepelbagaiannya makanan yang merupakan manifestasi kemajmukan budaya masyarakat di negara ini. Perkara ini tidak lahir begitu sahaja tetapi dipengaruhi oleh sejarah, budaya, sains dan teknologi. Buku ini merupakan satu usaha untuk mengupas perkembangan budaya pemakanan yang dibawa oleh tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India serta melihat bagaimana Islam memainkan peranan dalam proses asimilasi makanan dan budaya pemakanan di negara ini.



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



myIKIM



@myIKIM



IKIM

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR